

'Penyelesaian konflik perlu berasas dialog bukan kekerasan'

Anwar tegaskan prinsip sama harus diangkat dalam konteks pergolakan di Gaza, Ukraine

Daripada Afrina Romzi
news@bh.com.my

di Gyeongju, Korea Selatan



Perjanjian Damai Kuala Lumpur antara Thailand dan Kemboja menjadi peringatan bahawa keamanan dan kemakmuran tidak akan kekal tanpa kepercayaan, kesabaran dan rundingan berterusan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata prinsip yang sama harus diangkat dalam konteks pergolakan di Gaza dan Ukraine.

"Penyelesaian berasaskan dialog, bukan kekerasan adalah satu-satunya jalan menuju keamanan yang hakiki," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan kenyataan negara ketika sesi intervensi Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2025 di sini, semalam.

Ahad lalu, Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump dan Anwar menyaksikan pemeteraian Perjanjian Damai Kuala Lumpur Kemboja-Thailand yang menamatkan persengketaan antara negara terbabit sejak sekian lama.

Ini menandakan langkah bersejarah memulihkan keamanan di kawasan sempadan kedua-dua negara yang menjadi pertikaian.

Pemeteraian bersejarah itu ditandatangani oleh Perdana Menteri Thailand, Anutin Charnvirakul dan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet, sambil disaksikan oleh pemimpin ASEAN yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-17 dan sidang kemuncak berkaitan serta wakil AS.

Pemimpin ucap tahniah

Dalam satu kenyataan berasingan, Anwar berkata ucapan tahniah yang diterima daripada pemimpin APEC atas kejayaan me-



Jae Myung mengalu-alukan Anwar menjelang Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC di Gyeongju, Korea Selatan.

(Foto BERNAMA)

nganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 baru-baru ini, mencerminkan keupayaan Malaysia memimpin dengan hikmah dan kesungguhan.

Beliau menerima ucapan tahniah itu ketika temu santai dengan pemimpin berkenaan di luar Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC (AELM) di sini.

Terdahulu, Anwar disambut Presiden Korea Selatan, Lee Jae Myung yang mengalu-alukan kehadiran semua pemimpin ekonomi APEC, diikuti dengan sesi bergambar.

Malaysia antara 12 negara anggota yang mengasaskan APEC, bersama dengan Australia, Brunei, Kanada, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, New Zealand, Filipina, Singapura dan Thailand.

APEC terdiri daripada 21 ekonomi, yang merangkumi hampir tiga bilion penduduk, 62 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar global dan 48 peratus perdagangan dunia pada 2021.

Dalam pada itu, Anwar dalam satu kenyataan lain berkata kemajuan ketara kerjasama Nvidia Corporation-YTL Power International Bhd dalam membina infrastruktur kecerdasan buatan (AI) adalah dorongan untuk mempercepatkan inisiatif AI negara demi manfaat semua rakyat Malaysia.

Anwar turut mengucapkan tahniah kepada kedua-dua sya-

rikat itu kerana mencapai pencapaian penting ini dalam tempoh 22 bulan.

"Malaysia menetapkan sasaran untuk menjadi negara berpaksikan AI menjelang 2030 memanfaatkan AI untuk meningkatkan produktiviti, memperkasakan perkhidmatan awam dan membina ekonomi digital yang mampan, inklusif dan beretika.

"Mewujudkan AI berdaulat oleh kita sendiri adalah sangat penting dalam membangunkan ekosistem digital dikuasakan AI yang selamat dan dipercayai," katanya dalam kenyataan di petik BERNAMA selepas bertemu dengan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Nvidia Corp, Jensen Huang dan Pengarah Urusan YTL Power, Datuk Seri Yeoh Seok Hong.

Mesyuarat itu diadakan di luar mesyuarat APEC yang bermula semalam.

Antara pencapaian penting dicapai ialah kejayaan menyiapkan kemudahan pusat data AI canggih YTL Power dengan kerjasama Nvidia di Taman Pusat Data Hijau YTL 600MW di Kulai, Johor.

Kemudahan berkenaan dikuasakan oleh penyelesaian cecair-GPU NVL72 Grace Blackwell (GB200) yang disejukkan cecair bersama-sama dengan Intelek Luhur Malaysia Untukmu (ILMU), mewakili langkah besar ke hadapan dalam membina AI berdaulat Malaysia.